



**KEMENTERIAN KEWANGAN**  
**Wisma Kewangan**  
**88593 Kota Kinabalu**  
**Sabah, Malaysia**  
**Tel.: 088-251513/251514/251516**  
**Faks: 088-237605**  
**Website: www.mof.sabah.gov.my/**

**Tel.** : 088-252692  
**Bil.** : KEW.500-13/25 Klt.3/  
**Tarikh** : 26 Januari 2010

**Setiausaha Kerajaan Negeri**

**Semua Setiausaha Tetap**

**Semua Ketua Badan-Badan Berkanun**

**PEKELILING KEMENTERIAN KEWANGAN BIL: 4/2010 MENGENAI  
PELAKSANAAN KOD TADBIR URUS KORPORAT UNTUK BADAN  
BERKANUN NEGERI SABAH (*CODE OF CORPORATE GOVERNANCE FOR  
SABAH STATE STATUTORY BODIES*)**

## **1. TUJUAN**

Pelaksanaan Kod Tadbir Urus Korporat (CCG) di Badan-badan Berkanun Negeri (BBN) bertujuan untuk:-

- i. Menambahbaik dan memperkukuhkan tadbir urus korporat yang sedia ada.
- ii. Memastikan Lembaga pengarah dan semua peringkat pengurusan BBN menerapkan dan menghayati budaya dan prinsip ketelusan, integriti, amanah dan akauntabiliti.
- iii. Memperteguhkan akauntabiliti dan kebertanggungjawaban BBN dalam mencapai objektif yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.
- iv. Memperkukuhkan fungsi penyeliaan dan pemantauan prestasi BBN menerusi penubuhan Jawatankuasa Polisi Dan Kawal Selia Tadbir Urus Korporat (*Corporate Governance Policy & Supervision Committee*).

2/...



## **2. LATARBELAKANG**

- i. Tadbir Urus Korporat (CCG) untuk BBN adalah terkandung dalam Enakmen Penubuhan Badan-Badan Berkanun berkenaan, Enakmen Badan-Badan Berkanun Negeri (Peruntukan-Peruntukan Tambahan) 1997, surat-surat pekeliling dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Jabatan Ketua Menteri dan Kementerian Kewangan dari semasa ke semasa.
- ii. Walau bagaimanapun adalah perlu bagi BBN untuk memperkemaskan sistem pengurusan dari semasa ke semasa. Bagi membantu BBN, Kementerian Kewangan telah merangka Cadangan Kod Tadbir Urus Korporat untuk Badan Berkanun Negeri Sabah (*The Proposed Code Of Corporate Governance For Sabah State Statutory Bodies* (CCG)). CCG ini telah dipersetujui dan diluluskan oleh Jemaah Kabinet Negeri pada 20 Januari 2010.

## **3. KANDUNGAN KOD TADBIR URUS KORPORAT**

CCG yang telah dirangka dan diluluskan oleh Jemaah Kabinet Negeri menekankan aspek-aspek berikut:

### **i. Aspek berkaitan Ahli Lembaga Pengarah.**

Perkara utama yang ditekankan ialah struktur dan komposisi Lembaga yang menjadi peneraju organisasi. Ianya juga menyentuh pembahagian kuasa dan tanggungjawab antara Pengerusi dan Ketua Pengurusan menerusi pewujudan *Board Charter*.

### **ii. Aspek berkaitan dengan Akauntabiliti dan Audit.**

Aspek ini menekankan penyediaan laporan yang seimbang, jelas dan komprehensif dalam membuat penilaian terhadap prestasi dan kedudukan organisasi.

iii. **Aspek berkaitan dengan perwakilan kuasa dan tanggungjawab Lembaga Pengarah kepada pihak Pengurusan.**

Lembaga Pengarah perlulah memastikan perlantikan Ketua Pengurusan dibuat dengan menetapkan syarat-syarat dan terma-terma jelas tentang had-had bidangkuasa yang diwakilkan kepadanya. Lembaga Pengarah juga hendaklah memberikan arahan yang jelas serta kuasa untuk pihak pengurusan melaksanakan tanggungjawabnya.

**4. JAWATANKUASA POLISI DAN PENGAWASAN TADBIR URUS KORPORAT**

Jawatankuasa Polisi Dan Pengawasan Tadbir Urus Korporat ditubuhkan di bawah Kementerian Kewangan yang bertindak sebagai mekanisma penyemak dan pengimbang (*check and balance mechanism*) untuk menilai dan mengawasi Lembaga dan Pengurusan BBN.

**5. PEMAKAIAN KOD TADBIR URUS KORPORAT**

- i. Selain daripada BBN, anak-anak syarikat di bawah BBN juga boleh menggunakan CCG yang telah disediakan sebagai panduan dalam usaha memperkemaskan pengurusan syarikat masing-masing.
- ii. CCG bukan pengganti kepada Enakmen-enakmen/peraturan/garis panduan yang sedia ada. CCG hendaklah digunakan bersama-sama dengan undang-undang/peraturan/pekeliling yang sedia ada.
- iii. Buku CCG akan diterbitkan dan diedarkan sebagai panduan dan rujukan.

/4...  
088-252692  
KEW.500-13/25 K1t.3/  
26 Januari 2010

---

**6. TARIKH KUATKUASA**

Kod Tadbir Urus Korporat untuk Badan Berkanun Negeri Sabah hendaklah digunapakai oleh Badan-badan Berkanun Negeri bermula pada tarikh surat ini dikeluarkan.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN  
BERSIH, CEKAP DAN AMANAH"**



**(YUSOFF DATUK HJ. MOHD. KASSIM, PGDK)**  
Setiausaha Tetap